

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 08 / 09 / 2007

LID 2007 berjaya capai matlamat – Abdullah

LANGKAWI 7 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) 2007 yang berakhir hari ini merupakan satu dialog yang berjaya dan berharap segala saranan dapat diterjemahkan dalam bentuk tindakan.

Menurut Perdana Menteri, beliau percaya, pelan tindakan *The Way Forward* atau Jalan Ke Hadapan yang dihasilkan pada penghujung dialog itu akan menjadi panduan berguna kepada negara berkenaan dalam membasmi kemiskinan.

Katanya, dialog itu seperti sebuah 'bazar idea' yang penuh dengan segala cadangan, saranan dan pengalaman negara anggota membasmi kemiskinan yang akhirnya didokumentasikan dalam bentuk satu pelan tindakan.

"Kita harapkan masing-masing (negara peserta) melaksanakan idea yang mereka

fikirkan sesuai dengan keadaan mereka dan terserah sama ada untuk melaksanakannya atau tidak.

"Saya percaya kalau idea berkenaan baik untuk negara dan kerajaan, sudah tentu mereka akan melaksanakannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas berakhirnya dialog antarabangsa tersebut yang berlangsung di Berjaya Beach and Spa Resort di sini hari ini.

Dialog bertemakan *Pembasmian Kemiskinan Menerusi Pembangunan Modal Insan dan Pembinaan Keupayaan* itu dihadiri kira-kira 500 peserta dari 16 negara termasuk 10 ketua-ketua negara.

Perdana Menteri berkata, pelan tindakan itu tidak melibatkan sebarang komitmen untuk melaksanakannya kerana ia hanya saranan yang dikemukakan demi kemajuan negara berkenaan.

Bagaimanapun katanya, setelah ketua kerajaan dan para peserta mengambil bahagian secara serius dalam dialog itu, sudah pasti mereka akan mengambil tindakan yang memberi manfaat kepada negara masing-masing.

"Saya percaya mereka akan menggunakan idea itu untuk menjadi bahan ucapan mereka atau menjadi perkara yang diperkatakan dalam perbincangan berkaitan dengan isu kemiskinan, pembangunan modal insan dan pembinaan keupayaan," tambahnya.

Pelan tersebut menggariskan tujuh tindakan serta-merta yang boleh diambil oleh negara-negara peserta, khususnya dalam aspek pembangunan modal insan dan pembinaan keupayaan bagi membasmi kemiskinan.

Menjawab satu soalan, Abdullah memberitahu, kejayaan Malaysia dalam mem-

basmi kemiskinan di kalangan rakyat tidak semestinya menjadi model untuk diikuti oleh negara peserta lain.

"Kita telah berjaya dalam usaha itu (membasmi kemiskinan) tetapi juga masih mencari idea-idea baru," katanya.

Beliau berkata, Malaysia bagaimanapun bersedia berkongsi pengalamannya dan membantu negara-negara lain dalam usaha membasmi kemiskinan berdasarkan kemampuan yang ada.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, beliau gembira kerana perkongsian bijak antara negara-negara peserta LID akan diteruskan pada tahun depan menerusi Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID).

Menurutnya, Zambia telah bersetuju untuk menjadi tuan rumah dalam meneruskan dialog berkenaan di Lusaka sekali gus memastikan kesinambungan dialog itu.